

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT: DSA EXHIBITION AND CONFERENCE

PUBLICATION: BERNAMA.COM **SECTION:** EKONOMI - BERITA

DATE: TUESDAY, 21 FEBRUARY 2017 **PAGE NO.:** 1 OF 1

CIRCULATION: ONLINE **FREQUENCY:** ONLINE

HEADLINE: DSA 2018 AKAN DIADAKAN DI MITEC



DSA 2018 Akan Diadakan Di MITEC

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) – Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia 2018 (DSA 2018) pada 16 hingga 19 April akan diadakan di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) di Jalan Tunku Abdul Halim di sini.

Perpindahan ke MITEC yang baru disiapkan itu diumumkan Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohd Johari Baharum di Abu Dhabi hari ini, di mana DSA mengambil bahagian dalam Pameran dan Persidangan Pertahanan Antarabangsa (IDEX).

MITEC terletak hanya 20 minit daripada lokasi sebelum ini, iaitu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mohd Johari juga menerima kontrak penyertaan yang ditandatangani daripada penyelaras Pavilion AS, Kollman Worldwide, Inc dan ejen jualan untuk Pavilion Jerman, PEXPO Services.

Kedua-dua syarikat memperoleh ruang pameran seluas 500 meter persegi tiap satu.

"Sejajar sambutan ulang tahun ke-30 DSA pada 2018, perpindahan ke MITEC adalah tepat pada masanya dan sangat strategik bagi membawa pertunjukan dua tahun sekali itu ke tahap kejayaan lebih tinggi.

"Ia juga akan mengukuhkan lagi kedudukan Malaysia sebagai satu daripada tuan rumah acara pertahanan dan keselamatan yang kelima teratas dunia," kata Mohd Johari dalam satu kenyataan Selasa.

Sejak diwujudkan pada 1988, siri pertunjukan DSA telah berkembang pesat daripada hanya 394 syarikat membuat pameran dengan ruang 6,000 meter persegi pada tahun pertama kepada 1,200 syarikat dengan ruang pameran 41,500 meter persegi pada DSA 2016.

DSA 2018 dijangka meliputi ruang 42,000 meter persegi dan perpindahan pertunjukan itu ke tempat baharu adalah penting dalam membantu pertumbuhan dan pengembangan pesat yang dijangka berterusan pada masa akan datang, kata Johari.

Kira-kira 42,000 pelawat dagangan daripada 70 negara dijangka menghadiri DSA 2018, di samping 1,200 syarikat mengambil bahagian dalam acara empat hari itu.

Selain mempamerkan teknologi serta perkhidmatan perkakasan dan perisian dalam sektor pertahanan dan keselamatan, peserta dan pelawat juga boleh berkongsi idea dan pengetahuan mengenai cabaran pertahanan dan keselamatan yang memberi kesan kepada negara mereka.

Segmen perjumpaan perniagaan dengan perniagaan juga akan muncul kembali dalam pertunjukan tahun depan.

-- BERNAMA